

# NMP Razwana Begum dilantik Presiden ke-27 PPIS

By □ HARITH MUSTAFFA harithr@sph.com.sg



## Berita Minggu

Sunday 22nd September 2024

345 words

Page 2 | Section: BERITA

288cm on the page

# NMP Razwana Begum dilantik Presiden ke-27 PPIS

► HARITH MUSTAFFA  
harithr@sph.com.sg

Anggota Parlimen Dilantik (NMP), Profesor Madya Razwana Begum Abdul Rahim, dinamakan sebagai Presiden terbaru Persatuan Pemudi Islam Singapura (PPIS) pada 21 September.

Pelantikannya diumumkan dalam Mesyuarat Agung ke-53 persatuan berusia lebih tujuh dekad itu, di hotel Grand Mercure Singapore Roxy di East Coast Road.

Beliau, 50 tahun, yang sebelum ini Naib Presiden II PPIS, mengambil alih jawatan sebagai Presiden ke-27 Lembaga Tadbir Urus persatuan itu, daripada Cik Hazlina Abdul Halim, 39 tahun, yang telah memimpin persatuan itu selama dua penggal.

Cik Hazlina akan terus berkhidmat sebagai Mantan Presiden Terkini dan akan membantu dalam memudahkan urusan peralihan kepimpinan bagi beberapa bulan mendatang.

Profesor Madya Razwana telah berkhidmat dalam lembaga PPIS sejak 2022



Cik Hazlina Halim.



Profesor Madya Razwana Begum Abdul Rahim.

dan antara lain, pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perundingan Perkhidmatan Sosial.

Profesor Madya Razwana kini bertugas sebagai Ketua Program Keselamatan dan Perlindungan Awam di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) dan mempunyai latar belakang berbilang disiplin merangkumi undang-undang, kerja sosial dan kriminologi, serta

pernah menggalas tugas dalam dasar sosial umum di bawah Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF).

Selain itu, beliau merupakan NMP sejak 2023 dan mewakili PPIS di Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM).

“Saya besar hati dilantik sebagai Presiden PPIS,” kata Profesor Madya Razwana.

“Dengan sokongan daripada anggota

lembaga, staf dan relawan berdedikasi, saya yakin PPIS akan terus meningkatkan darjah wanita, kanak-kanak dan keluarga di Singapura,” tambahnya.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Cik Hazlina atas sumbangannya memimpin PPIS sejak 2020, termasuk semasa pandemik Covid-19.

Dalam kenyataannya, PPIS berkata kepimpinan Cik Hazlina telah membolehkan persatuan itu mencatat pelbagai pencapaian, termasuk kerjasama dengan beberapa badan tempatan lain serta penubuhan rumah peralihan wanita sekular pertama di Singapura, Rise Above.

Di bawah kepimpinannya juga, PPIS menerbitkan kajian pertama bertajuk ‘Aspirasi Wanita Muslim’, yang menyumbang kepada perbincangan penting di wadah antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

“Tadbir urus yang baik serta pembaharuan kepimpinan adalah kunci di balik kemajuan sebuah pertubuhan. Saya berbesar hati kerana diberi peluang dan amanah berkhidmat kepada PPIS sepanjang sedekad,” kata Cik Hazlina.